

## SEKOLAH RENDAH GRIFFITHS

Nama: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Kelas: 5/\_\_\_\_

Arahan: Gantikan frasa atau ayat-ayat yang bergaris bawah dengan peribahasa yang betul. Tuliskan jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan.

Bagai mencurah air di daun keladi	Seperti anak ayam kehilangan ibu
Seperti rusa masuk kampung	Seperti bumi dengan langit
Bagai aur dengan tebing	Seperti anjing dengan kucing
Seperti kacang lupakan kulit	Seperti kerbau dicucuk hidung
Bagai si kudung beroleh cincin	Seperti katak di bawah tempurung

1. Kedua-dua adik beradik itu selalu dibanding-bandingkan kerana status kekayaan mereka sangat **jauh berbeza**.

( \_\_\_\_\_ )

2. Mak Tijah amat tersinggung dengan sikap anaknya yang telah **melupakan segala pengorbanan dan jasanya** selama ini.

( \_\_\_\_\_ )

3. Para penduduk di estet perumahan Bedok masih **hidup tolong-menolong** jika ada majlis kahwin atau kenduri-kendara.

( \_\_\_\_\_ )

4. Ibu telah memarahi abang yang hanya **mengikut suruhan** kawannya supaya terjun ke dalam kolam.

( \_\_\_\_\_ )

5. Orang yang hidup **tanpa mengambil tahu hal ehwal yang berlaku di sekelilingnya** akan ketinggalan zaman.

( \_\_\_\_\_ )

6. Ahmad dan Rizal **tidak boleh bertemu muka** kerana kedua-duanya sering tidak mahu mengalah dan akhirnya akan timbul pergaduhan.

( \_\_\_\_\_ )

7. “Amboi Limah! Besarnya rumah kau ini. **Tak pernah** seumur hidup **aku melihat rumah** yang sebesar ini!” kata Mak Minah.

( \_\_\_\_\_ )

8. Puan Maimunah berasa kecewa dengan sikap suaminya yang masih **tidak mahu mendengar nasihatnya** supaya berhenti merokok.

( \_\_\_\_\_ )